

“TRUE Banking Welcome Offer – Apply for a TRUE Deposit Account or AmBank Credit Card and Get Rewarded” Campaign

Terms and Conditions

A. Definition

“Bank” means AmBank (M) Berhad (Company No. 8515-D) and/or AmBank Islamic Berhad (Company No. 295576-U).

“Campaign” means “TRUE Banking Welcome Offer – Apply for a TRUE Deposit Account or AmBank Credit Card and Get Rewarded” Campaign.

“Customers” means customers of the Bank who have been upgraded to TRUE Banking membership, based on the terms and conditions of the TRUE Banking Membership Programme.

“TRUE Banking Membership Programme” means a membership programme offered to the Customers who fulfill the eligibility criteria under the TRUE Banking Terms and Conditions.

B. Campaign

1. This Campaign will run from **15 May 2017 to 15 August 2017** (both dates inclusive) or upon redemption of all reward items (“Rewards”) as stated in Clause 6 herein (“Campaign Period”), whichever is earlier.
2. This Campaign is open to the Customers who apply for the following product(s) during the Campaign Period:
 - a) an TRUE Deposit Account, where the Customers do not have an existing TRUE Deposit Account; and/or
 - b) any credit card offered by the Bank (VISA Infinite, World MasterCard, VISA Signature, Platinum, Gold, BonusLink, CARz, TRUE and AmBank Cosway only) (“Credit Card”).
3. Customers who are in default of payment of any sums due to the Bank or suspected of committing any fraudulent, unlawful and illegal acts in relation to the Customers’ Credit Card Account with the Bank and/or any other facilities or services with the Bank are not eligible to participate in this Campaign.

C. Campaign Mechanics

4. In order to participate in this Campaign, the Customers are required to open a TRUE Deposit Account and/or apply for any Credit Card during the Campaign Period. The Customers may submit their application for TRUE Deposit Account opening and/or Credit Card at any of the Bank’s branches nationwide or via online.
5. All Credit Card application forms with complete supporting documents must reach the Bank within the Campaign Period. Proof of date sent and/or postage shall not constitute receipt of

application by the Bank. The Bank's date of receipt of the application shall be proof of receipt of the same.

6. During the Campaign Period, the **first three thousand (3,000) Customers** who fulfill the criteria below will be entitled to the following rewards ("Rewards"):

| Criteria | Rewards |
|--|---|
| Open a TRUE Deposit Account, or Apply for a Principal/Supplementary Credit Card | <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="618 510 1352 604">• Starbucks Card worth RM20 each. Limited to one thousand (1,000) units only. (15 May 2017 to 15 June 2017) <li data-bbox="618 642 1352 737">• AEON Vouchers worth RM20 each. Limited to one thousand (1,000) units only. (16 June 2017 to 15 July 2017) <li data-bbox="618 774 1352 869">• Parkson Vouchers worth RM20 each. Limited to one thousand (1,000) units only. (16 July 2017 to 15 August 2017) |

7. For the purpose of this Campaign, the first 3,000 Customers mentioned in Clause 6 above shall refer to the Customers who opened a TRUE Deposit Account and/or whose Credit Card applications were successfully received within the Campaign Period.
8. Subject to Clause 7 above, the Customers will be eligible to receive a maximum of two (2) Rewards during the Campaign Period. If the Customers already have a TRUE Deposit Account or any existing Credit Card, the Customers will still be eligible for the Rewards provided that there is a minimum of at least one (1) new product take-up.
9. The Rewards will not be provided to Customers whose existing Credit Card is suspended, cancelled or terminated during the Campaign Period.
10. The Bank reserves the right to approve or reject any TRUE Deposit Account or Credit Card application at its absolute discretion without any reason and prior notification to the Customers.

D. Rewards Fulfillment

11. The Rewards shall be collected by the Customers at the branches where the opening of TRUE Deposit Account or Credit Card application was submitted, or in the event that the opening of the TRUE Deposit Account and/or Credit Card applications were submitted online, the Rewards will be sent to the Customers' latest mailing address within eight (8) weeks from the date the applications were successfully received.

E. General Terms and Conditions

12. By participating in this Campaign, the Customers agree to be bound by the Terms and Conditions of this Campaign including any amendment and/or variation to it, TRUE Banking Terms and Conditions, the Credit Card Agreement and the terms and conditions of the relevant Credit Card.
13. The Bank shall not be responsible or liable for any failure by any Customer to participate in this Campaign at any time due to any network, communication or system error, interruption and/or failure.
14. The Rewards are not exchangeable for credit or any other kind of products and not transferable to any other parties.
15. Notwithstanding any provision to the contrary herein, the Bank shall not be held liable for any costs, expenses or damages that may be incurred or suffered by the Customers as a result of the Bank being unable to comply with the Terms and Conditions of this Campaign due to the occurrence of a *force majeure* event. The term "*force majeure*" shall mean any event or cause outside the control of the Bank, including without limiting the generality of the foregoing:
 - a. a revolution, civil commotion, riots, wars, terrorism, hostilities, sabotage, armed conflict, embargoes;
 - b. explosions, accidents, acts of God, natural catastrophes including but not limited to earthquake, floods, storms, landslides, fire;
 - c. strike, lockouts, labour disputes or other industrial disturbances (affecting the performance of these Terms and Conditions) which cause or can reasonably be expected to cause the Bank to fail to comply with its obligations;
 - d. failure, explosions, breakage or accident to machinery, installations, electrical cables, lines, power generation plants, power stations, national electricity grid, high tension electricity cables or the like thereof.
16. The Customers are required to adhere to the Campaign's Terms and Conditions at all times. The Bank reserves the right to forfeit any of the Rewards if any of the Terms and Conditions is not adhered to.
17. The Customers shall be bound by the respective banking products, services, investments, privileges and programmes' prevailing terms and conditions in addition to the Terms and Conditions herein.
18. In the event of discrepancies or inconsistencies between these Terms and Conditions and the terms and conditions of the respective banking products, services, investments, privileges and programmes, the Terms and Conditions of this Campaign shall prevail in so far as it relates to this Campaign.
19. The Terms and Conditions contained herein as well as the Bank's decision on all matters relating to this Campaign including the Credit Card approval are final, conclusive and binding.

20. The Bank reserves the right to change, amend, delete and/or add on to these Terms and Conditions, wholly or in part from time to time by giving at least twenty-one (21) days' prior notice on the Bank's official website, displaying a notice at any of the Bank's branches, a statement insert in the Statement of Account or any other manner which the Bank may deem fit at its absolute discretion.
21. The Customers shall not be entitled to claim for any compensation against the Bank for any and all losses and damages suffered by the Customers whether as a direct or indirect result of the Customers' participation in this Campaign.
22. The Bank reserves the right to cancel, withdraw, extend, terminate and/or suspend this Campaign at any time without assigning any reason with at least twenty-one (21) days' notice. For the avoidance of doubt, cancellation, withdrawal, extension, termination and/or suspension of this Campaign shall not entitle the Customers to any claim and/or compensation against the Bank for any and/or all losses and/or damages suffered or incurred by the Customers whether as a direct and/or indirect result of such cancellation, withdrawal, extension, termination and/or suspension.
23. The Customers are advised to refer to the Bank's official website at ambank.com.my from time to time for the latest Terms and Conditions.
24. The Customers are advised to read and understand the AmBank Group Privacy Notice, which is available at the Bank's official website and branches.
25. The Bank may disclose the Customers' personal information to AmCard Services Berhad for outsourcing of business operations and other AmBank Group companies for purposes of marketing of products and/or services. If the Customers decide later not to receive marketing information from AmBank Group of the same, Customers are advised to call **+603-21788999** or e-mail to customercare@ambankgroup.com.
26. The Terms and Conditions stipulated herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Customers agree to submit to the jurisdiction of the courts of Malaysia.

-End-

Kempen “Tawaran Alu-aluan Perbankan TRUE – Memohon untuk Akaun Deposit TRUE atau Kad Kredit AmBank dan Dapatkan Ganjaran”

Terma dan Syarat

A. Definisi

“Bank” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D) dan/atau AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U).

“Kempen” bermaksud Kempen " Tawaran Alu-aluan Perbankan TRUE – Memohon untuk Akaun Deposit TRUE atau Kad Kredit AmBank dan Dapatkan Ganjaran”.

“Pelanggan” bermaksud pelanggan Bank yang telah dinaik taraf kepada keahlian Perbankan TRUE, berdasarkan terma dan syarat Program Keahlian Perbankan TRUE.

“Program Keahlian Perbankan TRUE” bermaksud program keahlian yang ditawarkan kepada Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di bawah Terma dan Syarat Perbankan TRUE.

B. Kempen

1. Kempen ini akan berlangsung dari **15 Mei 2017 hingga 15 Ogos 2017** (termasuk kedua-dua tarikh) atau selepas penebusan semua item ganjaran ("Ganjaran") seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6 di sini ("Tempoh Kempen"), yang mana lebih awal.
2. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan yang memohon untuk mendapatkan produk yang berikut semasa Tempoh Kempen:
 - a) satu Akaun Deposit TRUE, yang mana Pelanggan tidak mempunyai Akaun Deposit TRUE sedia ada; dan/atau
 - b) sebarang kad kredit yang ditawarkan oleh Bank (VISA Infinite, World MasterCard, VISA Signature, Platinum, Gold, Bonuslink, CARz, TRUE dan AmBank Cosway sahaja)("Kad Kredit").
3. Pelanggan yang ingkar dalam pembayaran sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank atau disyaki melakukan sebarang perbuatan menipu, menyalahi undang-undang dan haram berhubung dengan Akaun Kad Kredit Pelanggan dengan Bank dan/atau sebarang kemudahan atau perkhidmatan lain dengan Bank adalah tidak layak untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini.

C. Mekanik Kempen

4. Untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Pelanggan dikehendaki untuk membuka satu Akaun Deposit TRUE dan/atau memohon sebarang Kad Kredit semasa Tempoh Kempen. Pelanggan boleh menghantar permohonan mereka untuk membuka Akaun Deposit TRUE dan/atau Kad Kredit di mana-mana cawangan Bank di seluruh negara atau melalui dalam talian.
5. Semua borang permohonan Kad Kredit dengan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah sampai ke Bank dalam Tempoh Kempen. Bukti tarikh penghantaran dan/atau bayaran pos tidak

menandakan penerimaan permohonan oleh Bank. Tarikh penerimaan permohonan oleh Bank akan menjadi bukti penerimaan permohonan tersebut.

6. Semasa Tempoh Kempen, **tiga ribu (3,000) Pelanggan pertama** yang memenuhi kriteria di bawah akan berhak mendapat ganjaran ("Ganjaran") yang berikut:

| Kriteria | Ganjaran |
|--|---|
| Membuka satu Akaun Deposit TRUE, atau Memohon Kad Kredit Prinsipal/Tambahan | <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="618 535 1360 632">• Kad Starbucks bernilai RM20 setiap satu. Terhadap kepada satu ribu (1,000) unit sahaja. (15 Mei 2017 hingga 15 Jun 2017)<li data-bbox="618 667 1360 764">• Baucar AEON bernilai RM20 setiap satu. Terhadap kepada satu ribu (1,000) unit sahaja. (16 Jun 2017 hingga 15 Julai 2017)<li data-bbox="618 800 1360 896">• Baucar Parkson bernilai RM20 setiap satu. Terhadap kepada satu ribu (1,000) unit sahaja. (16 Julai 2017 hingga 15 Ogos 2017) |

7. Bagi tujuan Kempen ini, 3,000 Pelanggan pertama yang disebut dalam Klausu 6 di atas akan merujuk kepada Pelanggan yang telah membuka Akaun Deposit TRUE dan/atau yang permohonan Kad Kreditnya telah berjaya diterima dalam Tempoh Kempen.
8. Tertakluk pada Klausu 7 di atas, Pelanggan akan layak untuk menerima maksimum dua (2) Ganjaran semasa Tempoh Kempen. Jika Pelanggan telah pun mempunyai Akaun Deposit TRUE atau sebarang Kad Kredit sedia ada, Pelanggan masih layak untuk mendapat Ganjaran yang disediakan dengan syarat Pelanggan mengambil sekurang-kurangnya minimum satu (1) produk baharu.
9. Ganjaran tidak akan disediakan kepada Pelanggan yang Kad Kredit sedia adanya telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan semasa Tempoh Kempen.
10. Bank berhak untuk meluluskan atau menolak mana-mana permohonan Akaun Deposit TRUE atau Kad Kredit menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang alasan dan notis terdahulu kepada Pelanggan.

D. Penyempurnaan Ganjaran

11. Ganjaran hendaklah diambil oleh Pelanggan di cawangan di mana permohonan untuk membuka Akaun Deposit TRUE atau untuk Kad Kredit diserahkan, atau sekiranya permohonan untuk membuka Akaun Deposit TRUE dan/atau untuk Kad Kredit diserahkan dalam talian, Ganjaran akan dihantar ke alamat surat-menyurat terkini Pelanggan dalam masa lapan (8) minggu dari tarikh permohonan berjaya diterima.

E. Terma dan Syarat Umum

12. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini termasuk sebarang pindaan dan/atau variasi kepadanya, Terma dan Syarat Perbankan TRUE, Perjanjian Kad Kredit dan terma dan syarat Kad Kredit yang berkaitan.
13. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan di atas sebarang kegagalan oleh mana-mana Pelanggan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini pada bila-bila masa disebabkan sebarang ralat, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau system.
14. Ganjaran ini tidak boleh ditukar ganti dengan kredit atau sebarang jenis produk lain dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain.
15. Walau apapun peruntukan yang bertentangan di sini, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Pelanggan akibat daripada Bank tidak dapat mematuhi sepenuhnya Terma dan Syarat Kempen disebabkan berlakunya kejadian *force majeure*. Istilah "*force majeure*" adalah bermaksud sebarang kejadian atau sebab diluar kawalan Bank, termasuk tanpa mengehadkan kenyataan umum sebelum ini:
 - a. revolusi, kekacauan awam, rusuhan, peperangan, keganasan, permusuhan, sabotaj, konflik bersenjata, embargo;
 - b. letupan, kemalangan, bencana alam, malapetaka alam termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, ribut taufan, runtuh tanah, kebakaran;
 - c. mogok, penyekatan, pertikaian buruh atau lain-lain gangguan industri (yang menjejaskan pelaksanaan Terma dan Syarat ini) yang menyebabkan atau boleh dijangka dengan munasabah akan menyebabkan Bank gagal untuk mematuhi tanggungjawabnya;
 - d. kegagalan, letupan, kerosakan atau kemalangan kepada jentera, pemasangan, kabel elektrik, talian, loji jana kuasa, stesen jana kuasa, grid elektrik kebangsaan, kabel elektrik bervoltan tinggi atau yang seumpamanya.
16. Pelanggan dikehendaki untuk mematuhi Terma dan Syarat Kempen pada setiap masa. Bank berhak untuk mengambil semula sebarang Ganjaran jika mana-mana Terma dan Syarat tidak dipatuhi.
17. Pelanggan akan terikat dengan terma dan syarat lazim produk, perkhidmatan, pelaburan, keistimewaan dan program perbankan yang berkaitan selain daripada Terma dan Syarat di dalam ini.
18. Sekiranya terdapat perbezaan atau ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat produk, perkhidmatan, pelaburan, keistimewaan dan program perbankan yang berkaitan, Terma dan Syarat Kempen akan kekal terpakai setakat mana yang berkaitan dengan Kempen ini.
19. Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini serta keputusan Bank di atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini termasuk kelulusan Kad Kredit adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

20. Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam dan/atau menambah kepada Terma dan Syarat ini, sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dari semasa ke semasa dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya selama dua puluh satu (21) hari di laman web rasmi Bank, memaparkan notis di mana-mana cawangan Bank, sisipan kenyataan dalam Penyata Akaun atau sebarang kaedah lain yang Bank fikirkan wajar menurut budi bicara mutlaknya.
21. Pelanggan adalah tidak layak untuk menuntut sebarang pampasan terhadap Bank di atas sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang dialami oleh Pelanggan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada penyertaan Pelanggan di dalam Kempen ini.
22. Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, melanjutkan, menamatkan dan/atau menggantung Kempen ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab dengan notis terdahulu sekurang-kurangnya selama dua puluh satu (21) hari. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, perlanjutan, penamatan dan/atau penggantungan Kempen ini tidak akan memberi hak kepada Pelanggan untuk sebarang tuntutan dan/atau pampasan terhadap Bank di atas sebarang dan/atau semua kerugian dan/atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, penarikan balik, perlanjutan, penamatan dan/atau penggantungan yang sedemikian.
23. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk laman web rasmi Bank di ambank.com.my dari semasa ke semasa untuk mengetahui Terma & Syarat terkini.
24. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank, yang boleh didapati di laman web rasmi Bank dan cawangannya.
25. Bank boleh mendedahkan maklumat peribadi Pelanggan kepada AmCard Services Berhad bagi menyumberluarkan operasi perniagaan dan kepada lain-lain syarikat Kumpulan AmBank bagi tujuan pemasaran produk dan/atau perkhidmatan. Jika Pelanggan kemudiannya memutuskan untuk tidak menerima maklumat pemasaran daripada Kumpulan AmBank mengenai perkara tersebut, Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi +603-2178 8999 atau e-mel ke customercare@ambankgroup.com.
26. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini adalah ditadbir oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tertakluk pada bidang kuasa mahkamah Malaysia.

-Tamat-